

**PROGRAM MOBILITI PELAJAR UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA****1.0 TUJUAN**

- 1.1 Kertas ini bertujuan untuk memberi penjelasan kepada ahli mengenai jenis/kategori program mobiliti pelajar yang dijalankan di luar negara (outbound) dan pembahagian penyelarasan program mobiliti mengikut Pusat Tanggungjawab.

**2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Program Mobiliti Pelajar merupakan salah satu *Key Performance Index* (KPI) di bawah *Critical Agenda Program* (CAPS) pengantarabangsaan dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSTPN).
- 2.2 Program Mobiliti Pelajar juga mempunyai impikasi yang besar dalam meningkatkan *Global Competency* pelajar di samping memperkayakan pengalaman pembelajaran pelajar dengan pengalaman luar negara.
- 2.3 Program Mobiliti Pelajar Outbound bertujuan menyediakan peluang kepada pelajar UKM untuk melengkapkan pengalaman pendidikan dengan mengikuti program akademik yang ditawarkan di dalam dan luar Malaysia. UKM mewujudkan program ini bagi mencapai objektif berikut:
  - i. Memperluaskan pengalaman pendidikan bagi pelajar UKM;
  - ii. Memberi peluang kepada pelajar untuk meningkatkan kefahaman mereka mengenai isu dan perspektif global berkaitan dengan bidang ilmu yang diceburi;
  - iii. Membolehkan pelajar mengamalkan ilmu yang dipelajari serta mengilmukan apa yang diamalkan;
  - iv. Memperdalam dan memperluaskan aktiviti MoU/MoA yang telah ditandatangani oleh UKM dan universiti luar negara;
  - v. Melatih pelajar sebagai duta kecil UKM dan Malaysia; dan
  - vi. Menimba ilmu dan mencemerlangkan pelajar UKM agar mereka menjadi graduan yang berwibawa, pencetus ilmu dan pemangkin keserjanaan yang dihormati dan relevan kepada negara dan masyarakat global.
- 2.4 Program Mobiliti Pelajar di UKM telah berlangsung sejak sekian lama di bawah kelolaan Pusat-pusat Tanggungjawab yang berbeza. Secara ringkas berikut adalah kategori/jenis Program Mobiliti Pelajar di UKM. (sila rujuk LAMPIRAN A).

## 3.0 SYARAT PROGRAM

### 3.1 Kriteria UMUM

- 3.1.i.1 Setiap pelajar yang mengikuti program mobiliti UKM mestilah mempunyai kriteria berikut:
- i. Tidak mempunyai rekod jenayah.
  - ii. Tidak mempunyai rekod disiplin yang tidak baik di UKM.
  - iii. Tidak mempunyai hutang tertunggak di UKM
  - iv. Telah mendapat kebenaran Dekan/Pengarah/Ketua.
  - v. Telah mendapat kebenaran ke luar Negara.

### 3.2 Program Mobiliti Berkredit

- 3.2.i.1 Pelajar yang ingin mengikuti program mobiliti berkredit UKM hendaklah menepati kriteria berikut:
- i. Pelajar yang sedang mengikuti program Sarjana Muda, Sarjana dan PhD yang berdaftar sepenuh masa di UKM.
  - ii. Bagi program pertukaran pelajar, pelajar hendaklah mengikuti program yang telah mendapat kelulusan Senat UKM bagi pemindahan kredit.
  - iii. Pelajar yang telah mendaftar sebagai pelajar UKM sekurang-kurangnya satu semester sahaja yang layak di pertimbangkan dan mempunyai pencapaian akademik yang baik:
    - a. PNGK 3.0 keatas bagi pelajar pra-siswazah,
    - b. PNGK 3.5 atau sokongan penyelia bagi pelajar siswazah.
  - iv. Pelajar Siswazah yang bercuti belajar daripada UKM atau institut lain serta kakitangan UKM yang sedang berkhidmat tidak layak dipertimbangkan untuk mengikuti program ini.
  - v. Tempoh program yang diikuti adalah selama 3 minggu minimum sehingga maksima 2 bulan sahaja.

### 3.2 Program Mobiliti Tidak Berkredit (Aktiviti Kemahasiswaan)

- 3.2.i.1 Pelajar Jabatan Perkhidmatan Pelajar (JPPel) hanya menguruskan permohonan pelajar ke luar negara seperti menyertai seminar dan kursus, menjalankan penyelidikan, program pertukaran pelajar, lawatan sambil belajar, pembentangan kertas kerja dan program-program lain yang berkaitan.
- 3.2.i.2 Untuk keselamatan pelajar sebagai langkah bagi mengelakkan sebarang kejadian atau apa-apa perkara berbangkit yang tidak diingini berlaku maka pihak UKM dengan persetujuan pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia telah menetapkan peraturan berikut :-
- 3.2.i.2.1 Sebelum meluluskan permohonan pelajar/kumpulan pelajar untuk membuat lawatan/pergi ke luar negara, Naib Canselor hendaklah terlebih dahulu

mendapatkan pandangan daripada  
Kementerian/Agensi berikut:

- a. Kementerian Luar Negeri
- b. Kementerian Dalam Negeri
- c. Polis Diraja Malaysia, dan
- d. Lain-lain Kementerian/Jabatan sekiranya aktiviti yang akan dijalankan memerlukan kelulusan Kementerian/Jabatan berkenaan.

3.2.i.2.2 Surat/borang permohonan yang lengkap hendaklah diserahkan bersama dengan dokumen-dokumen berikut:

- a. Ringkasan eksekutif/kertas kerja program dan surat permohonan daripada pelajar berkenaan menyatakan sebab dan tujuan hendak ke luar negara dan destinasi yang dituju
- b. Surat sokongan daripada Dekan/Ketua Jabatan/Penyelia/Ketua Projek menyatakan sebab-sebab menyokong atau tidak menyokong permohonan berkenaan (jika menjalankan penyelidikan dan dana ditanggung oleh fakulti/pusat/institut)
- c. Surat permohonan kelulusan menjalankan aktiviti ke luar negara melalui penasihat kelab/pengetua (jika persatuan/pertubuhan sahaja)
- d. Surat tawaran atau persetujuan daripada agensi yang ingin dilawati.
- e. Surat kelulusan penajaan peruntukan kewangan daripada penyelidikan fakulti/pusat/institut.

### 3.0 SYOR/PERAKUAN

Ahli mesyuarat dimohon untuk meneliti jenis-jenis/kategori program mobiliti pelajar yang dijalankan di luar negara (outbound) dan pembahagian penyelarasan program mobiliti mengikut Pusat Tanggungjawab dan memberikan maklumbalas untuk penambahbaikan.

Disediakan oleh:

Pejabat Hubungan Antarabangsa  
Universiti Kebangsaan Malaysia